

16/06/2003

Sidang video Dr Mahathir, Kelab Umno 19 Jun

KUALA LUMPUR: Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual mengadakan sidang video menerusi internet dengan Kelab Umno United Kingdom

dan Kaherah sempena perhimpunan agung parti itu ke-54 pada 19 Jun ini.

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata sesi yang pertama kali diadakan itu, dijangka berlangsung kira-kira 20 minit pada waktu rehat sekitar jam 4 petang.

"Perdana Menteri akan berinteraksi dengan pelajar mengenai perhimpunan itu, yang akan bermula esok, dan isu semasa membabitkan perkembangan di tanah air.

"Cara itu akan membolehkan pelajar mendapat maklumat langsung daripada Dr Mahathir dan beliau juga berpeluang mendapatkan maklum balas mengenai keadaan serta perkembangan semasa pelajar di luar negara.

"Sidang video ini adalah atas permintaan pelajar dan ahli kelab umno luar negara sendiri. Ini adalah kali pertama interaksi seperti ini dilakukan dan akan dijadikan program berterusan dengan pemimpin Umno lain," katanya pada sidang media selepas meninjau persiapan perhimpunan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Tengku Adnan berkata, ucapan dasar Dr Mahathir boleh diikuti secara langsung menerusi laman web www.umno-online.com.my.

Difahamkan, Presiden parti juga akan melancarkan laman web kelab umno luar negara (www.kelabumno.com) sebelum mengadakan sidang video internet dengan pelajar di luar negara.

Dalam perkembangan lain, Tengku Adnan membidas lidah rasmi Pas, Harakah, yang menyamakan Dr Mahathir dengan babi menerusi keluaran terbaru akhbar itu.

Katanya, lakaran wajah Dr Mahathir dengan hidung babi berserta perkataan 'mahakhinzir' yang disiarkan dalam akhbar berkenaan adalah penghinaan terhadap pemimpin negara.

"Adakah ini cara umat Islam yang mendakwa memperjuangkan Islam? Kita melihat perkara ini sebagai penghinaan terhadap umat Islam dan memburukkan imej Islam yang suci.

"Jelas mereka yang bertanggungjawab dalam perkara ini sudah kehabisan modal hingga sanggup memburukkan pemimpin negara sedemikian rupa," katanya.